



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN
SEMESTER JULAI SESI 1996/97**

KOD/NAMA KURSUS : PU3023: UNDANG-UNDANG INDUSTRI DAN BURUH
 TARIKH : 21 OKTOBER 1996 (ISNIN)
 MASA : 9.00 - 11.30 PG. (2 1/2 JAM)
 TEMPAT : PUSAT KONVENSYEN

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan di dalam **EMPAT (4)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam lembaran jawapan yang disediakan.
4. Sila ikatkan bersama kertas jawapan anda mengikut soalan 1, 2, 3 dan 4.
5. Tuliskan no. matrik, kumpulan dan nama pensyarah anda pada setiap helaian kertas jawapan.

NO. MATRIK :

(dengan perkataan)

<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

NAMA PENSYARAH :

KUMPULAN :

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

Soalan 1 (25 Markah)

1. Alina adalah seorang pekerja di Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB), Ipoh yang setia pada majikannya. Alina telah didesak oleh suaminya untuk membantu memulihkan perniagaan suaminya yang semakin merosot dengan “mengambil” sebanyak RM 50,000 dari akaun salah seorang pelanggan bank dengan niat untuk memulangkannya setelah perniagaan suaminya pulih.

Majikan Alina mendapat aduan dari Amiruddin, pelanggan bank bahawa wangnya sebanyak RM50,000 telah lesap dari akaun simpanannya. BBMB mendapati Alina yang bertanggungjawab menguruskan akaun Amiruddin pada hari kejadian tersebut. BBMB bertindak untuk mengambil tindakan disiplin terhadap Alina dengan menggantungkan pekerjaan Alina untuk tujuan siasatan.

Anda selaku penasihat undang-undang BBMB dikehendaki menasihatkan BBMB berhubung dengan prosedur siasatan dalaman dan perbicaraan keatas Alina atas alasan salahlaku.

(25 markah)

Soalan 2 (25 Markah)

- 2(a). Joyce bekerja dengan Syarikat Deskpro Sdn Bhd sebagai kerani dengan gaji sebanyak RM 700.00 sebulan. Joyce dapati majikannya gagal mencarum bahagian majikan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja selama beliau bekerja di Syarikat itu untuk empat tahun, tetapi Joyce dapati gajinya dipotong untuk tujuan caruman ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap Syarikat Deskpro.

(5 markah)

- 2(b) Ravi ingin membeli rumah yang bernilai RM 80,000. Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan beliau pada tarikh permohonan bagi pengeluaran ialah sebanyak RM 60,000.

Berapakah jumlah maksima yang akan dibenarkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Ravi.

(5 markah)

- 2(c) Bincangkan secara ringkas mengenai bidangkuasa Mahkamah Industri sebagai timbang-tara dalam mengendalikan kes-kes yang berhubung dengan perhubungan industri dan kesan-kesan award Mahkamah Industri.

(15 markah)

Soalan 3 (25 Markah)

3. Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Pampasan Pekerja 1952. Bincangkan 2 jenis skim keselamatan sosial yang diperuntukan dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja iaitu;

- (i) Skim Insuran Bencana Pekerjaan.
- (ii) Skim Pencen Ilat.

(25 markah)

Soalan 4 (25 Markah)

4(a). Ramlah bekerja daripada jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari cuti bergaji. Waktu kerja beliau adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Kadar gaji hariannya ialah RM 15. Berapakah gaji Ramlah pada hari tersebut ?

(5 markah)

4(b) Johan telah berkhidmat dengan Vita Papers Bhd selama 3 tahun. Johan mengalami kemalangan jalanraya baru-baru ini. Berapakah hari cuti sakit berbayar yang layak diperolehi oleh Johan jika cuti sakit berbayar yang telah digunakan ialah 18 hari.

(5 markah)

4(c) Antara terma dan syarat pekerjaan pekuniari ialah bonus dan pembayaran ex-gratia. Terangkan pengertian bonus dan pembayaran ex-gratia.

(5 markah)

4(d) Huraikan peruntukan Seksyen 24 Akta Pekerjaan 1955 yang menyatakan tiada potongan boleh dibuat oleh seseorang majikan daripada upah seseorang pekerja selain daripada menurut Akta Pekerjaan.

(10 markah)

SEKOLAH PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR

KOD : PU 3023
SUBJEK : UNDANG-UNDANG INDUSTRI & BURUH

NO. MATRIK :

(dengan perkataan)

NO. KAD
PENGENALAN :

KUMPULAN :

NAMA
PENSYARAH :

* UNTUK KEGUNAAN PENSYARAH

NO. SOALAN	MARKAH
SOALAN 1	/25
SOALAN 2	/25
SOALAN 3	/25
SOALAN 4	/25
JUMLAH	/100